

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis

DARIPADA : Datuk Hajah Norah binti Abd
Rahman [Tanjung Manis]

SOALAN : Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman minta
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI** menyatakan:
sama ada Kementerian dapat membantu usahawan
tani dalam industri nipah di Tanjung Manis agar
dapat dimodenkan dan satu skim agropreneur
dilancarkan untuk membolehkan mereka
menambah pendapatan masing – masing.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (MOA) telah melaksanakan Program Agropreneur Muda dalam usaha untuk menarik minat, mengubah persepsi serta menggalak penglibatan golongan muda dalam sektor pertanian. Ia selaras dengan hasrat kementerian untuk meremajakan Sektor Agromakanan bagi menjamin Kedaulatan Makanan negara.

Bagi membantu usahawan tani muda dalam industri nipah khususnya di Tanjung Manis, satu pakej projek tanaman nipah boleh diwujudkan di bawah Program Agropreneur Muda jika projek ini diiktiraf dan disokong oleh jabatan / agensi berkaitan. Ini adalah untuk memastikan bahawa setiap peserta yang menyertai program ini mampu menjana pendapatan tinggi melebihi RM5,000 sebulan.